



prihatin

sentiasa bersama mu

BERITA SPANCO

04

PROGRAM PENGANTIAN

BILA DAN BERAPA KERAP KENDERAAN
HARUS DIGANTI



08

PERJANJIAN
TAHAP
PERKHIDMATAN
MENEPATI
SASARAN

14

KENDERAAN
TRANSIT PERIBADI
MEMACU EVOLUSI
MASA KINI

18

BERKUNJUNG KE
10 BANDAR
PALING POPULAR
DUNIA PADA 2015



PP 10548/08/2012(030458)



04



08



14



20



18

prihatin

sentiasa bersama mu

jilid 4 | Julai - Ogos 2015
MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalalludin

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888

Faks 03-6192 8999

emel prihatin@spanco.com.my

web www.spanco.com.my

Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013

Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

SEKILAS MINDA

03 Memperkukuhkan
Komitmen dengan Semangat
Juang yang Jitu

YANG PERLU ANDA TAHU

04 Program Penggantian :
Bila dan Berapa Kerap Kenderaan
Harus Diganti

07 Peningkatan Saman
Terhadap Kenderaan Fleet
Kerajaan

MENJEJAK INSPIRASI

08 Perjanjian Tahap
Perkhidmatan Menepati Sasaran

KATA MEREKA

10 Iltizam dan Disiplin, Asas
Kejayaan Dr. Noor Zari Hamat

SERVIS ITU PENTING!

12 Prestasi Pusat Servis Dinilai

Secara Proaktif Berpandukan
Audit 4M

PERSADA INOVASI

14 Kenderaan Transit Peribadi
Memacu Evolusi Masa Kini

MERAKAM CATATAN

16 Majlis Berbuka Puasa
SPANCO dan Kementerian 2015

16 Taklimat dan Penyerahan
Kenderaan untuk Mesyuarat
Menteri Luar Negeri ASEAN 2015

16 Taklimat dan Penyerahan
Kenderaan untuk Mesyuarat
Menteri Ekonomi ASEAN Ke-47
2015

17 Majlis Pelancaran Imej Baru
Kereta Peronda Polis

17 Penyerahan KRJ Perdana
2.0 untuk Kementerian

Pertahanan

17 Sumbangan kepada
Pertubuhan Membantu Pesakit
Parah Miskin Malaysia

17 Majlis Rumah Terbuka
Aidilfitri SPANCO 2015

LIBUR DESTINASI

18 Berkunjung ke 10 Bandar
Paling Popular Dunia pada 2015

BICARA SIHAT

20 High-Intensity Interval
Training : Teknik Membakar
Lemak dengan Pantas dan
Berkesan

PILIHAN SERVIS ANDA

22 Johor, Melaka dan Negeri
Sembilan

23 Pelantikan Baru dan
Pertukaran Nama

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



MEMPERKUKUHKAN KOMITMEN DENGAN SEMANGAT JUANG YANG JITU

SELAMA lebih 20 tahun di dalam industri ini, banyak yang telah kita pelajari. Kita sedang melakukan satu perjalanan. Destinasinya jelas, walaupun terdapat pelbagai halangan, namun destinasi kita tidak berubah. Menjadi yang terbaik antara terbaik. Memberikan khidmat cemerlang kepada semua pelanggan dan rakan niaga.

Pengalaman yang ditimba sesuatu yang sangat berharga. Satu proses pembelajaran untuk menjadikan kita lebih mampan dan konsisten dalam jangka waktu yang lebih panjang dari hanya sekadar meningkat ke satu tahap setiap tahun. Terutama dalam keadaan krisis kewangan sekarang ini dengan kejatuhan nilai mata wang Ringgit menjadikan ekonomi lemah untuk beberapa bulan yang akan datang.

Bagaimanapun, pada bulan Disember 2015, saiz fleet akan bertambah lebih dari 12,000 unit. Terima kasih kepada PDRM atas kepercayaan yang diberikan kepada kami untuk menguruskan 1,200 unit kereta peronda mereka. Kami amat berbangga menjadi sebahagian daripada inisiatif untuk meningkatkan kecekapan PDRM dalam penggunaan kereta yang lebih baik melalui konsep sewa pajakan dengan SPANCO.

Menjadi penyokong kepada PDRM dengan memenuhi keperluan istimewa terhadap kereta peronda mereka, kami berharap dapat diberikan tanggungjawab yang lebih selain dari menguruskan kereta-kereta saloon dan mula menjejaki segmen kenderaan lain bagi tujuan memberi sokongan kepada keperluan kenderaan pelanggan yang

pelbagai di Kementerian.

Selaras dengan pertumbuhan jumlah saiz fleet, kami berharap dapat terus mempertingkatkan dan mengekalkan Tahap Perjanjian Perkhidmatan (SLA) kami dan kerana itulah kami memperkukuhkan komitmen kepada perkhidmatan cemerlang dalam segmen 'Menjejak Inspirasi' pada keluaran PRIHATIN kali ini. Semangat juang adalah pendorong kami merealisasikan tujuan tersebut.

NG WAI THONG

Pengawal Kewangan

Program Penggantian Bila dan Berapa Kerap Kenderaan Harus Diganti

Artikel berikut merupakan kesinambungan dari siri Perkhidmatan Pengurusan Fleet. Pada keluaran yang lalu, PRIHATIN telah menerangkan bagaimana untuk mengukur dan menilai prestasi sesebuah fleet. Siri kali ini akan membincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam memilih tempoh yang sesuai untuk program penggantian.


PROGRAM penggantian fleet merupakan salah satu cara memastikan kenderaan dan perkhidmatan yang dijalankan berada pada tahap yang terbaik, sekali gus kos dijimatkan melalui pelupusan kenderaan yang lama dan penggunaan kenderaan yang baru.

Industri fleet di negara-negara maju umpamanya, mengamalkan penggantian kenderaan mengikut tempoh dan perbatuan yang tertentu seperti contohnya selepas empat hingga lima tahun penggunaan atau 150,000 kilometer.

la juga dioptimumkan apabila program penyenggaraan dan cegahan disertakan sekali di dalam program penggantian fleet.

Selain itu, kenderaan yang rendah jarak perbatuannya juga boleh dipertimbangkan untuk ditukarkan ke jabatan yang lain bagi menyamaratakan penggunaan kenderaan-kenderaan di dalam fleet.

KENDERAAN FLEET DIGANTIKAN BERPANDUKAN FAKTOR BERIKUT



TEMPOH PENGANTIAN YANG TEPAT PADA MASANYA, DAPAT MEMBANTU:

- Meningkatkan keselamatan pekerja dan orang awam.
- Meningkatkan produktiviti pekerja.
- Mengawal kos senggaraan dan pembaikan.
- Meningkatkan kecekapan pengurusan fleet dan kerja-kerja penyenggaraan.
- Menguruskan jumlah kos pemilikan secara keseluruhan.
- Mempamerkan imej positif organisasi / jabatan kepada pelanggan dan khalayak ramai.



KITARAN PENGANTIAN OPTIMUM

Terdapat pelbagai kaedah untuk mengira tempoh kitaran penggantian dan ia tidak semestinya bergantung kepada faktor ekonomi semata-mata. Malah, kenderaan mungkin ditukar atau dilupuskan sebelum mencapai usia persaraan bagi mematuhi peraturan pemuliharaan alam sekitar dan keselamatan yang telah diluluskan oleh undang-undang.

Bagaimanapun, bagi kebanyakan organisasi kerajaan, tempoh kitaran penggantian kenderaan fleet mereka telah

pun ditetapkan seperti yang terkandung di dalam terma perjanjian pajakan. Tempoh itu mengambil kira jangka hayat ekonomi yang paling optimum.

Tempoh kitaran penggantian adalah isu pembiayaan dan pengurusan fleet yang memerlukan gabungan kepakaran dari bahagian kewangan (Perbendaharaan Malaysia) dan syarikat pemajak (SPANCO Sdn Bhd).

ANALISIS KITARAN HAYAT EKONOMI

Pemahaman tentang kos kitaran hayat kenderaan adalah penting dalam membangunkan program penggantian fleet yang berkesan. Ini kerana semakin berusia sesebuah kenderaan, maka perbelanjaan tertentu seperti kos penyelenggaraan dan pembaikan akan meningkat manakala nilai kenderaan pula akan menyusut.

Apabila jumlah kesemua kos termasuk pemilikan dan pajakan serta kos operasi mencecah paras minimum, maka kenderaan tersebut dianggap telah mencapai hayat ekonomi. Pengiraan dan penganalisisan kos-kos ini dikenali sebagai analisis kitaran hayat ekonomi.

Faktor di dalam analisis kitaran hayat ekonomi termasuk:

- ➔ Kos perolehan atau pemilikan kereta
- ➔ Anggaran nilai sisa (*salvage value*)
- ➔ Faedah kewangan (*cost of money*)
- ➔ Kos penyelenggaraan
- ➔ Kos operasi
- ➔ Kos bahan api
- ➔ Usia atau jarak perbatuan
- ➔ Kos waktu rosak
- ➔ Faktor keusangan




CARTA KITAR HAYAT EKONOMI KENDERAAN

Carta menunjukkan kos kitaran hayat untuk sebuah kereta bersaiz sederhana. 'Equivalent Uniform Annualised Cost (EUAC) atau Kos Tahunan Seragam adalah jumlah kesemua perbelanjaan tahunan yang berkaitan. Namun untuk lebih ringkas, kos bahan api tidak disertakan di dalam contoh ini.

Carta menunjukkan kos penyenggaraan dan baik pulih meningkat seiring usia penggunaan, sementara kos tahunan seragam dan nilai kereta menyusut. Lazimnya hayat optimum kereta berlaku apabila kos tahunan seragam mencecah tahap terendah dan kekal pada paras itu.

Untuk memilih masa yang sesuai untuk sesebuah kenderaan diganti, corak peningkatan dalam kos penyenggaraan dan baik pulih perlu dikaji serta kesemua kos diambil kira.



PENDEKATAN LAIN

Selain analisis kitaran hayat ekonomi, terdapat pendekatan atau kaedah lain yang boleh dimanfaatkan untuk memutuskan tempoh sesuai bagi menggantikan kenderaan fleet, antaranya:

➔ FOKUS KEPADA USIA DAN/ATAU JARAK PERBATUAN

Cara paling mudah dan sering diamalkan dalam operasi fleet iaitu menggantikan kenderaan berdasarkan pada usia dan/atau jarak perbatuan seperti lima tahun/150,000 kilometer.

➔ KOS MENGHAMPIRI HAD TERTENTU

Ia bertujuan supaya kenderaan dapat diganti sebaik sebelum pembaikan utama berlaku. Pemeriksaan terhadap sejarah penyenggaraan dan pembaikan dapat meramalkan bila kos akan meningkat secara mendadak.

➔ MELEBIHI NILAI KENDERAAN

Kadangkala tanpa disedari kos membaik pulih telah melebihi dari anggaran yang sepatutnya dan tidak berbaloi dengan nilai kenderaan tersebut. Apabila ini berlaku, maka pengurusan fleet perlu menjelaskan kepada pihak kewangan bahawa kekurangan pembiayaan untuk membeli kenderaan baru akan memberi kesan secara tidak langsung terhadap keperluan untuk menambah bajet kos pembaikan, yang sebenarnya secara keseluruhannya, merugikan.

➔ KOS BAIK PULIH BERBANDING NILAI BAKI

Sikap tunggu dan lihat boleh mengakibatkan kos menjadi tidak terkawal sehinggakan melebihi nilai kenderaan iaitu apabila pembaikan perlu dilakukan dengan lebih kerap dan untuk kerosakan yang lebih serius. Bagi menghindarkan ini dari berlaku, pendekatan yang lebih proaktif mesti diambil seperti mengganti mana-mana kenderaan apabila kos baik pulih contohnya, melebihi 30 peratus dari nilai bakinya.


➔ KEGAGALAN MERANCANG PENGGANTIAN KENDERAAN

Kesimpulannya, apabila kenderaan semakin berusia maka kos penyenggaraan akan meningkat manakala nilainya pula akan menyusut. Kegagalan merancang akan mengakibatkan kenderaan gagal diganti pada tempoh yang sepatutnya seterusnya membebaskan jabatan. Kenderaan yang melebihi jarak perbatuan boleh menjejaskan prestasi dan produktiviti jabatan sementara caj lebihan perbatuan juga mungkin dikenakan oleh syarikat pemajak.


Pada siri yang berikutnya, PRIHATIN akan membincangkan tentang caj penyenggaraan dan pembaikan tetap yang disediakan oleh SPANCO

Peningkatan Saman Terhadap Kenderaan Fleet Kerajaan


Jumlah Saman Diterima Melebihi Jumlah Diselesaikan



CARTA 1



CARTA 2



CARTA 3

JUMLAH saman yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang tertunggak setakat Ogos 2015 adalah 52,532 saman.

Manakala jumlah saman baharu bagi keseluruhan 2015 setakat Ogos adalah 8,625 saman. **(carta 1)**

Untuk saman yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) pula, saman tertunggak setakat Ogos 2015 adalah 16,796 saman. **(carta 2)**

Juga terdapat 8,601 saman Automatic Enforcement System (AES) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang masih belum diselesaikan bagi tempoh yang sama.

Saman PBT tertunggak dan terbanyak sehingga Ogos 2015 bagi Kawasan Tengah **(carta 3)**:

- ➔ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) - 1,273
- ➔ Bahagian Penguatkuasa Perbandaran Putrajaya - 600
- ➔ Majlis Bandaraya Shah Alam - 540.
- ➔ Majlis Bandaraya Petaling Jaya - 445.

- ➔ Utara Semenanjung: Majlis Perbandaran Pulau Pinang - 268.
- ➔ Pantai Timur Semenanjung: Majlis Perbandaran Kuantan - 254.
- ➔ Selatan Semenanjung: Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah - 452.
- ➔ Sarawak: Dewan Bandaraya Kuching Utara - 228.
- ➔ Sabah: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu - 171.

Statistik menunjukkan jumlah saman baharu yang diterima hampir setiap tahun adalah melebihi jumlah saman keseluruhan yang diselesaikan oleh pengguna-pengguna. Ia amat membimbangkan kerana jumlah saman yang masih tertunggak akan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun.

Saman tertunggak yang gagal diselesaikan akan mengganggu urusan penggantian kenderaan yang tamat pajakan. Oleh itu, pegawai kenderaan dan pengguna sendiri perlulah mengambil langkah yang lebih proaktif dan bertanggungjawab untuk menjelaskan saman-saman tertunggak. Mereka juga mestilah sentiasa berwaspada dan mematuhi peraturan lalu lintas.

Perjanjian Tahap Perkhidmatan Menepati Sasaran



SELARAS wawasan Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik yang cekap lagi berkesan dan menepati keperluan masyarakat, maka satu program penswastan telah dilaksanakan. Pada 30 Oktober 1993, pengurusan kenderaan Kerajaan Persekutuan secara rasminya diserahkan kepada SPANCO apabila perjanjian ditandatangani selepas lebih empat tahun penilaian, penyelidikan dan perundingan dilakukan.

Di bawah perjanjian itu, SPANCO bertanggungjawab membekal, menyenggara dan membaiki kereta-kereta saloon Kerajaan pada kos yang tetap. Sistem pengurusan

fleet terkini telah dibawa masuk untuk menguruskan fleet kenderaan dan sejak itu, SPANCO secara terus menerus mempertingkatkan tahap perkhidmatannya kepada Kerajaan.

Melalui pengambilalihan fleet oleh SPANCO, Kerajaan berjaya meringankan beban pentadbiran dan pengurusannya serta menikmati pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung yang disediakan. Dengan caj yang tetap, Kerajaan tidak perlu memikirkan tentang masalah kos melebihi had seperti yang dihadapi sebelum itu.

MUTU PERKHIDMATAN SENTIASA DIPERTINGKATKAN

Dalam usaha memperbaiki mutu servis sepanjang masa, SPANCO menumpu kepada aspek peralatan, lokasi, tahap keselesaan dan hubungan pelanggan di samping memperketatkan pemantauan terhadap rangkaian pusat servis diiktiraf (PSD).

Kelengkapan pusat servis diperbaharui seiring dengan perkembangan teknologi automotif, manakala peta taburan PSD sentiasa dikaji dan disusun semula supaya lebih tertumpu ke kawasan yang mempunyai permintaan

yang tinggi seperti di Lembah Klang dan Putrajaya.

SPANCO turut memindahkan operasinya dari Segambut ke Batu Caves pada Julai 2005 bagi menyatukan Ibu Pejabat dan Pusat Servis Wilayah (PSW) di bawah satu bumbung. PSW Bangi yang baru juga turut dibuka pada Jun 2012.

Pada masa yang sama Program Pembangunan Kemahiran Teknikal dilaksanakan bagi mempertingkatkan kemahiran kakitangan secara berkala dari semasa ke semasa.

REKOD PENCAPAIAN KUALITI PERKHIDMATAN

PEROLEHAN

► Pemeriksaan Kualiti dan Pra-Penghantaran 100%

Setiap kenderaan akan melalui ujian kualiti yang ketat sebelum diserahkan kepada pelanggan.

► Penghantaran segera

Semua pesanan baru untuk kenderaan akan dihantar dalam masa 60 hari dari tarikh Pesanan Kenderaan (VO). Kenderaan akan diganti pada Tarikh Tamat Pajakan (LED).

SERVIS

▶ Servis berjadual	Servis biasa boleh disediakan dalam masa dua (2) jam sementara servis utama dalam masa empat (4) jam, dengan syarat tiada aduan pembaikan lain diterima untuk kereta tersebut.
▶ 97% kenderaan di atas jalan/ boleh digunakan	Pada setiap masa, 97% kenderaan SPANCO boleh digunakan dan hanya 3% berada di pusat servis untuk kerja penyenggaraan atau pembaikan.
▶ Bantuan khidmat kerosakan 24-jam	Talian bebas tol 24 jam disediakan untuk bantuan kerosakan, kemalangan, kecurian atau sebarang kecemasan yang melibatkan kenderaan fleet. SPANCO akan menasihatkan langkah-langkah yang perlu diambil, menghantar pasukan khidmat bantuan ke lokasi (jika di Lembah Klang) atau menghubungi PSD berhampiran untuk bantuan selanjutnya.
▶ Masa tindak balas	Pasukan bantuan kerosakan akan sampai ke tempat kejadian dalam tempoh 45 minit dari masa panggilan kecemasan dibuat ke Pusat Panggilan, sekiranya berlaku dalam lingkungan 25km radius dari pusat servis.
▶ Kereta ganti	Pengguna Kereta Rasmi Jawatan akan disediakan dengan kereta ganti apabila menghantar kereta mereka untuk pembaikan yang memerlukan masa 24 jam untuk disiapkan jika di dalam Lembah Klang atau 48 jam jika di luar Lembah Klang.
▶ Jadual penyenggaraan cegahan	Semua komponen yang haus atau lusuh akan diganti sebelum ia boleh mendatangkan kerosakan, seperti: tayar (bunga kurang dari 1.6mm), bateri, pum air, tali sawat pemasaan dan sebagainya. Ini dapat membantu dan mempertingkatkan prestasi kereta di jalan raya.
▶ Penilaian Prestasi Proaktif	Semasa pemeriksaan, kereta yang didapati bermasalah atau memiliki kecacatan teknikal akan disarankan supaya diganti.
▶ Penilaian Prestasi Proaktif di Pusat Servis Diiktiraf	Audit pemeriksaan kereta dan pusat servis dilakukan sepanjang masa. Kereta akan diaudit mengikut keadaan fizikal dan prestasi manakala pusat servis pula berdasarkan kriteria 4M iaitu tenaga kerja (manpower) bahan (material), kaedah (method) dan peralatan (machine).



STANDARD PERKHIDMATAN SPANCO JUGA TELAH DIPERAKUI APABILA MENERIMA SIJIL ISO 9001:2008 UNTUK PENYenggaraan DAN SERVIS FLEET KENDERAAN, SATU PENGiktirafan PIWAIAAN ANTARABANGSA BERPRESTIJ UNTUK PUSAT SERVIS UTAMANYA.



PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

	Sasaran	Pencapaian
Jumlah kenderaan yang tidak boleh digunakan	< 200 unit	Sasaran dicapai
Masa yang diambil untuk menyiapkan servis:		
(i) Servis berjadual	24 jam	Sasaran dicapai
(ii) Rombak rawat enjin	21 hari	Sasaran dicapai
(iii) Pembaikan akibat kemalangan	30 hari	Sasaran dicapai
Tempoh tindak balas untuk panggilan kecemasan (dalam lingkungan 50-100km dari pusat servis)	2 jam	Sasaran dicapai
Kesediaan alat ganti kritikal	100%	Sasaran dicapai

ILTIZAM DAN DISIPLIN, ASAS KEJAYAAN DR. NOOR ZARI HAMAT


NAMPAK bersahaja namun tegas dan teliti dalam merangka kerja. Dr. Noor Zari Hamat, Pengarah Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bukan nama asing di KPDNKK, namun begitu senang diajak berbicara dan mudah mesra dengan kakitangan serta sesiapa sahaja.

Apatah lagi tugas memantau pengaliran subsidi petroleum kenderaan memerlukan beliau perlu sentiasa peka terhadap dasar perjalanan pengurusan petroleum negara. Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan adalah sebuah bahagian yang baharu diwujudkan dan selain menguruskan segala bentuk subsidi bahan api, Dr. Noor

Zari juga bertanggungjawab dalam pembentukan dasar industri hiliran petroleum.

Dilahirkan di Macang Kelantan, beliau dibesarkan dalam kehidupan yang penuh disiplin. "Ibu dan ayah saya bekerja kampung, sewaktu kecil saya sudah diajar untuk hidup berdikari. Waktu itu abang kedua saya sentiasa

BAHAGIAN PENGURUSAN SUBSIDI PETROLEUM KENDERAAN ADALAH SEBUAH BAHAGIAN YANG BAHARU DIWUJUDKAN DAN SELAIN MENGURUSKAN SEGALA BENTUK SUBSIDI BAHAN API, DR. NOOR ZARI JUGA BERTANGGUNGJAWAB DALAM PEMBENTUKAN DASAR INDUSTRI HILIRAN PETROLEUM.



▲ Dr. Noor Zari Hamat, Pengarah Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

memantau perjalanan persekolahan kami. Dia sangat berdisiplin dan sentiasa memastikan kami mengikut peraturan yang ditetapkan. Dia yang akan selalu 'check' keputusan sekolah saya. Semua urusan sekolah mestilah habis sebelum jam lima petang," ujar beliau.

"Alhamdulillah saya berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan memperoleh ijazah pada tahun 1985 dalam jurusan Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Analisa). Pada tahun 1988, saya mengambil Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia dan kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Saitama, Jepun pada 1995 mengambil Sarjana Analisis Dasar seterusnya Doktor Falsafah Pembangunan Ekonomi dan Polisi di Universiti Kobe, Jepun pada tahun 2005." jelasnya lagi.

Memulakan tugas sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Industri,

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari tahun 1986 hingga 1990, beliau kemudian telah bertugas di beberapa jabatan dan kementerian. Pada 2008 beliau memulakan tugas sebagai Timbalan Pengarah Kanan Akademik di INTAN sehingga 2013. Seterusnya bertugas sebagai Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Pada 2014 hingga kini memegang jawatan yang disandangnya sekarang.

Bagi Dr. Noor Zari, disiplin yang ketat dari abangnya telah membentuk sifat beliau sehingga sekarang. "Kini, saya terapkan pula cara tersebut pada anak-anak. Setiap malam, saya pastikan kami sekeluarga akan berkumpul di meja selama dua jam. Anak-anak dengan urusan mereka sementara saya dan isteri dengan urusan masing-masing," sambung beliau lagi.

Menggunakan kenderaan fleet SPANCO sejak tahun 2008 lagi, Dr. Noor Zari ternyata begitu senang dengan perkhidmatan yang diberikan. Bermula dengan Proton Perdana V6 kemudian Proton Inspira 2.0 dan terkini Proton Perdana 2.0, tidak banyak masalah yang dihadapi beliau apabila mengendalikan kenderaan tersebut.

"Sememangnya saya mengikuti servis berjadual dan saya pernah ke Pusat Servis Wilayah di Batu Caves. Saya suka berada di situ. Tempat menunggu sangat selesa berbanding kebanyakan tempat servis lain. Rasa suasana seperti berehat di rumah. Memang jarang kita rasa begitu bila berada di pusat servis kereta, apatah lagi jika pergi pada hari minggu. Tetapi di Pusat Servis SPANCO masa berlalu tak terasa. Kemudahan makanan dan minuman juga disediakan. Bila pergi dengan keluarga, anak-anak pun selesa.

"Saya tak ada masalah dengan servis SPANCO. Pernah sekali bateri lemah, pekerja dari panel pusat servis mereka datang dan gantikan yang baru. Selain itu tiada masalah besar lain yang melibatkan kenderaan yang saya gunakan. Cuma saya cadangkan agar SPANCO memperbanyakkan lagi panel pusat servis diiktiraf (PSD) di seluruh negara bagi memudahkan pegawai-pegawai mendapatkan khidmat yang lebih cepat. Saya juga menyarankan



PERKHIDMATAN FLEET KENDERAAN SPANCO BAGINYA DAPAT MEMBANTU KERAJAAN MENJIMATKAN LEBIH BANYAK MASA. SEGALA KEPERLUAN PENYENGGARAAN DAN SERVIS DILAKUKAN OLEH MEREKA YANG PAKAR DALAM BIDANG KENDERAAN DAN MEMUDAHKAN PEGAWAI MENJALANKAN TUGAS TANPA PERLU MEMIKIRKAN MENGENAI KENDERAAN MEREKA. TUMPUAN TERHADAP TUGAS AKAN LEBIH DIUTAMAKAN SEKALI GUS MENINGKATKAN MUTU KERJA SETIAP JABATAN.

agar konsep khidmat 'pick-up' diadakan untuk menjimatkan lebih masa kepada pengguna. Kita hanya telefon pusat servis dan mereka akan datang ke rumah mengambil kereta untuk diservis dan kembalikan semula

setelah siap servis. Lebih mudah dan menguntungkan masa terutama di hujung minggu yang memerlukan kami meluangkan waktu bersama keluarga," ujarnya.

Perkhidmatan fleet kenderaan SPANCO baginya dapat membantu Kerajaan menjimatkan lebih banyak masa. Segala keperluan penyenggaraan dan servis dilakukan oleh mereka yang pakar dalam bidang kenderaan dan memudahkan pegawai menjalankan tugas tanpa perlu memikirkan mengenai kenderaan mereka. Tumpuan terhadap tugas akan lebih diutamakan sekali gus meningkatkan mutu kerja setiap jabatan.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, beliau berkata, "Saya ingin memberi yang terbaik dalam tugas di kementerian dan kehidupan. Jika diizinkan Allah, selepas bersara, saya ingin menjadi pendidik. Menyumbang ilmu kepada yang memerlukan. Lima tahun di INTAN memberi saya banyak pengalaman dalam bidang akademik dan seharusnya ilmu itu dikongsi bersama anak-anak bangsa kita agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya sekali gus meningkatkan pembangunan negara."

PRESTASI PUSAT SERVIS DINILAI SECARA PROAKTIF BERPANDUKAN AUDIT 4M

MENGAPA AUDIT 4M DIPERLUKAN


Audit 4M dilakukan bagi memastikan semua pihak yang terlibat dalam ekosistem SPANCO dapat mengguna satu kayu pengukur dan menghasilkan standard kualiti yang sama. Ini amat penting bagi mewujudkan kesefahaman dan kesinambungan dalam memastikan kualiti servis terjamin untuk pelanggan-pelanggan.

Audit dilakukan secara proaktif di mana SPANCO akan memeriksa dan menilai PSD dari masa ke semasa secara berjadual setiap bulan tanpa sebarang notis. Bagaimanapun pihak Kementerian Kewangan akan dimaklumkan terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran sebenar keadaan sesebuah pusat servis dan menilai secara telus tanpa sebarang prejudis.

PEMERIKSAAN Audit 4M merupakan penilaian prestasi berpandukan kepada empat kriteria iaitu 'Method' atau Kaedah, 'Manpower' atau Tenaga Kerja, 'Machine' atau Peralatan dan 'Material' atau Bahan.

Audit 4M adalah sistem yang diperkenalkan oleh Proton Edar untuk semua Cawangan Servis Proton Edar dan Wakil Servis Proton Edar. Oleh kerana Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dan Bangi merupakan wakil servis sah kepada Proton Edar, maka secara langsung SPANCO telah mempraktikkan sistem tersebut. Kedua-dua pusat servis utama SPANCO itu turut diaudit oleh Proton Edar berpandukan Audit 4M.

Pemeriksaan dan penilaian pusat servis diiktiraf (PSD) seluruh Malaysia menggunakan sistem itu telah dilaksanakan sejak 1 Disember 2014 iaitu susulan penganjuran latihan amali dan praktikal oleh Jabatan Pengurusan Kualiti Proton Edar di PSW Bangi pada 20 November 2014.



KRITERIA AUDIT 4M**1** *METHOD (KAEDAH)*

Pengurus pusat servis perlu menentukan jumlah kereta yang akan diservis dan pekerja yang dipertanggungjawabkan. Kaedah paling berkesan akan ditentukan untuk setiap peringkat penugasan bagi memastikan kerosakan ke atas kereta yang diservis dan pembaziran masa serta tenaga kerja dapat dielakkan. Mengawal pembaziran adalah kunci utama kepada servis yang efisien.

2 *MANPOWER (TENAGA KERJA)*

Setelah kaedah dikenal pasti, jumlah tenaga kerja yang diperlukan dan jawatan yang sesuai untuk setiap peringkat tugas perlu dikenal pasti. Pekerja hendaklah dilatih dan dinilai prestasi mereka serta tempoh kitaran untuk setiap peringkat tugas dioptimumkan.

3 *MACHINE (PERALATAN)*

Dari segi kemudahan, kenderaan dan peralatan pusat servis, keselamatan pekerja perlulah dijamin dan, pada masa yang sama, kecekapan dan produktiviti mereka dipertingkatkan. Pekerja hendaklah diberikan peralatan yang diperlukan untuk menyempurnakan tugas mereka secara berdikari. Latihan untuk menyelenggara peralatan dan jentera juga mesti disediakan.

4 *MATERIAL (BAHAN)*

Bahan-bahan yang diperlukan untuk menyiapkan tugas perlu disediakan dengan secukupnya dan diletakkan di lokasi yang sesuai. Sebagai contoh, kesemua bahan yang digunakan untuk kerja pembersihan sentiasa tersedia di dalam pembungkusan yang mudah dicapai bagi mengurangkan pembaziran pergerakan di pihak pekerja.

KEPUTUSAN PENILAIAN

Setiap aspek 4M akan dinilai antaranya kemahiran dan kemesraan pekerja; peralatan berada dalam keadaan baik dan diselenggarakan secara berkala; ruang berkeadaan selesa dan bersih; prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi, dan alat ganti tulen diguna dan diuruskan dengan baik.

Hasil keputusan penilaian akan dibincangkan bersama dengan pemilik atau pengurus pusat servis dan jika didapati terdapat kelemahan, Jabatan Audit SPANCO akan mengeluarkan notis peringatan. Tempoh akan diberikan kepada PSD untuk memperbaiki kelemahan itu dan penilaian akan dilakukan semula bagi memastikan ia diperbaiki.

**MANFAAT KEPADA
PELANGGAN-PELANGGAN
SPANCO**

Sistem Audit 4M adalah berpaksikan pada kualiti secara keseluruhannya, baik dari segi pengurusan luaran mahupun dalaman sesebuah pusat servis. Dengan mewujudkan piawaian yang sama di semua rangkaian PSD dapat memastikan pelanggan-pelanggan SPANCO yang berada di luar kawasan tengah turut diberikan tahap layanan dan mutu servis yang sama seperti apa yang mereka terima di PSW Batu Caves dan PSW Bangi.

KENDERAAN TRANSIT PERIBADI MEMACU EVOLUSI MASA KINI

DUNIA maju ke hadapan, teknologi bergerak pantas berganding dengan keperluan manusia. Pergerakan kini jadi lebih mudah dengan pelbagai ciptaan bijak yang mampu menyelesaikan masalah transit. Tujuh kenderaan peribadi baharu ini pasti mengujakan, memudahkan pergerakan mencetus satu lagi era baru pengangkutan.



INU

Kenderaan peribadi dicipta untuk perjalanan di dalam bandar, kawasan pejabat atau perumahan. Ringan dan boleh dilipat dengan hanya menggunakan isyarat tangan atau arahan suara melalui telefon pintar anda. Dilengkapi dok telefon, GPS dan GSM, ianya dicipta oleh sekumpulan jurutera automotif, pereka cipta dan ahli perniagaan berpengalaman di Green Ride, sebuah syarikat bas yang berpangkalan di Colorado, Amerika Syarikat.

ECORECO

Satu lagi skuter bermotor elektromagnet yang tiada kelepasan karbon serta ringan dan mudah digunakan di mana sahaja untuk perjalanan jarak dekat. Menggunakan kuasa bateri LFP yang mampu dipacu sejauh 37 km apabila dicas penuh. Begitu mudah, senyap dengan kelajuan 32 km/j. Hanya 15 kg dan boleh dilipat serta mudah disimpan di mana-mana sahaja.



GENZE

Skuter elektrik alaf baru yang mesra alam ini mengambil kira faktor parkir, harga petrol dan kemudahan membawa barangan, dibina di Ann Arbor, Michigan, Amerika Syarikat dan dilancarkan pada Mac 2015. Direka santai, ia turut dilengkapi paparan skrin sentuh 7 inci dan bateri mudah alih yang boleh dicas pada mana-mana plag elektrik. Berkelajuan 48 km/j dengan jarak sejauh 48 km apabila bateri dicas penuh.

ONEWHEEL

Peminat filem 'Back to the Future' pasti teruja, walaupun tidak sehebat 'hoverboard' tapi papan luncur Onewheel sememangnya boleh membawa anda 'terbang' dengan satu roda bersaiz besar di tengah-tengah. Anda boleh mengawal kepantasan dengan mencondong ke hadapan untuk lebih laju atau ke belakang untuk perlahan. Menggunakan teknologi pergerakan sensor yang biasa terdapat di telefon bimbit juga teknologi bateri yang digunakan oleh Tesla Motors pada kereta elektriknya.



SOLOWHEEL

Begitu kompak, unisikal menggunakan sensor giro stabil ini sememangnya begitu menyeronokkan. Dengan satu roda dan dua platform pemijak kaki boleh lipat menggunakan kuasa motor 1,500W dan bateri litium-ion boleh caj semula. Mudah dikendalikan, Solowheel senang diimbangi, condong ke hadapan untuk lebih laju dan ke belakang untuk perlahan. Boleh dibawa ke mana-mana sahaja anda pergi.



ZBOARD

Papan luncur elektrik dengan dua pemijak kaki, menggunakan tekanan di hadapan untuk laju dan di belakang untuk perlahan. Menggunakan brek penjana kuasa semula untuk menyimpan semula tenaga. Ditawarkan dalam tiga model dengan spesifikasi berbeza dari segi kelajuan dan jarak yang bergantung kepada kekuatan pek bateri. Model paling berkuasa boleh meluncur sejauh 29 km pada 29 km/j, memberikan pengalaman meluncur yang menyeronokkan.



UNI-CUB

Impian untuk bergerak tanpa berjalan kini jadi nyata dengan alat transformasi berupa kerusi roda berkayuh ini. Teknologi dari hasil penyelidikan robot oleh Honda terutamanya ASIMO. Menggunakan kawalan keseimbangan, anda hanya perlu menggerakkan berat tubuh untuk maju ke hadapan, belakang, kiri dan kanan. Saiznya yang kompak dan kecil memudahkan ia bergerak di celah-celah orang ramai, sesuai digunakan di pejabat dan kediaman.

MAJLIS BERBUKA PUASA SPANCO DAN KEMENTERIAN 2015



Hospital Kelantan



Angkatan Tentera Malaysia



Jabatan Perdana Menteri



Meraikan anak-anak yatim dari Rumah Siraman Kasih



Markas Tentera Udara



Markas Tentera Darat



PDRM



Hospital Putrajaya dan kementerian lain

TAKLIMAT DAN PENYERAHAN KENDERAAN UNTUK MESYUARAT MENTERI LUAR NEGERI ASEAN 2015

BATU CAVES PADA 30 JULAI 2015

TAKLIMAT DAN PENYERAHAN KENDERAAN UNTUK MESYUARAT MENTERI EKONOMI ASEAN KE-47 2015

BATU CAVES PADA 18, 20 & 21 OGOS 2015



MAJLIS PELANCARAN IMEJ BARU KERETA PERONDA POLIS

IBU PEJABAT POLIS BUKIT AMAN PADA 17 OGOS 2015



Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh (tengah) bersama Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dan barisan kepimpinan PDRM.



PENYERAHAN KRJ PERDANA 2.0 UNTUK KEMENTERIAN PERTAHANAN

BATU CAVES PADA 3 & 4 OGOS 2015



SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN MEMBANTU PESAKIT PARAH MISKIN MALAYSIA

PADA 19 OGOS 2015



MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI SPANCO 2015

BATU CAVES PADA 15 OGOS 2015





BERKUNJUNG KE *10 Bandar Paling Populer Dunia* PADA 2015

INDEKS 'Global Destination Cities' baharu sahaja dilancarkan oleh MasterCard membariskan 132 kota destinasi paling popular di seluruh dunia mengambil kira pelancong yang bermalam dan yang membeli-belah. LONDON merupakan bandar paling popular dan menduduki tangga pertama dengan jangkakan 18.82 juta pengunjung pada 2015.

Berikut disenaraikan 10 destinasi bandar paling popular 2015:

01 LONDON 18.82 juta pelancong

Kota raya ikon benua Eropah yang juga kaya dengan peninggalan sejarah ini terus menduduki tangga teratas sepanjang tujuh tahun. London dijangka menerima kunjungan 18.82 juta pelancong antarabangsa pada 2015.

02 BANGKOK 18.24 juta pelancong

Bangkok, ibu kota Thailand yang juga merupakan pusat budaya yang kaya dengan rahsia kuno Asia Tenggara ini dijangka menerima kunjungan 18.24 juta pelancong pada 2015. Pelbagai tempat menarik boleh dilawati terutamanya kuil-kuil, gereja dan masjid yang indah.

03 PARIS 16.06 juta pelancong

Paris, terkenal sebagai kota cinta dan kota fesyen ini adalah bandar ketiga popular di kalangan pelancong dan bakal menarik 16.06 juta pelancong dunia pada 2015. Paris yang juga terkenal dengan Menara Eiffel menawarkan pelbagai pemandangan menarik selain memiliki galeri seni yang menyimpan koleksi seni terbaik dunia.



04 DUBAI, UAE 14.46 juta pelancong

Dubai yang dulunya gurun pasir kini ditransformasikan menjadi kota metropolitan dan syurga membeli-belah kepada pelancong dan bakal menarik 14.46 juta pelancong pada 2015. Selain membeli-belah, banyak tempat-tempat menarik lain menjadikan Dubai antara kota yang menjadi kunjungan jutaan pelancong.

05 ISTANBUL

12.56 juta pelancong

Istanbul, salah satu bandar terbesar di Turkey dengan 20 juta penduduk akan menerima kunjungan 12.56 juta pelancong dari seluruh dunia pada 2015. Kaya dengan peninggalan sejarah dan kehebatan seni bina zaman silam, Istanbul turut mempunyai banyak masjid-masjid terkenal dunia.

06 NEW YORK

12.27 juta pelancong

New York, kota yang 'tidak pernah tidur' ini dijangkakan menerima kunjungan 12.27 juta pelancong pada 2015. Kota yang popular sebagai syurga membeli-belah ini juga menawarkan tempat-tempat hiburan dan makanan yang lazat.

07 SINGAPURA

11.88 juta pelancong

Bandar kedua popular di Asia Tenggara dan antara bandar membeli-belah yang paling digemari ini dijangka menerima 11.88 juta kunjungan pada 2015. Selain Universal Studios yang menjadi tarikan, banyak lagi tempat menarik lain seperti Pulau Sentosa, Bugis Street, China Town dan Orchard Road.

08 KUALA LUMPUR

11.13 juta pelancong

Bandar raya yang terkenal dengan menara berkembar tertinggi di dunia, Petronas Twin Towers ini dijangka akan menerima 11.13 juta pelancong pada 2015. Kuala Lumpur juga terkenal dengan tempat-tempat menarik seperti Muzium Kesenian Islam, Petrosains dan Aquaria di KLCC serta pusat membeli-belah.

09 SEOUL

10.35 juta pelancong

Ibu negara Korea Selatan yang kaya dengan tempat-tempat bersejarah ini dijangka menerima 10.35 juta kunjungan pelancong pada 2015. Mereka dijangka membelanjakan kira-kira USD15.24 billion, menjadikan Seoul berada di tempat keempat sebagai destinasi membeli-belah.




10 HONG KONG

8.66 juta pelancong

Terkenal sebagai salah satu kota dengan bangunan pencakar langit, pelabuhan dalam dan kuil Cina, Hong Kong dijangka menerima kunjungan 8.66 juta pelancong dari seluruh dunia pada 2015. Bandar raya ini juga merupakan salah satu kota yang padat penduduknya di dunia dengan pelbagai tempat-tempat menarik yang mesti dikunjungi.

HIGH-INTENSITY INTERVAL TRAINING

Teknik Membakar Lemak Dengan Pantas dan Berkesan



HIGH-INTENSITY Interval Training atau HIIT adalah latihan kardiovaskular yang efektif untuk membakar lemak menggunakan kombinasi latihan intensiti tinggi dan rendah yang diselang-selikan dalam kadar tempoh tertentu. Ia merupakan satu teknik yang efektif tanpa memerlukan waktu yang lama tetapi memberikan hasil yang sangat memuaskan. Biasanya mengambil masa 4-30 minit dan mampu meningkatkan metabolisme untuk jangka masa yang lama walaupun setelah beberapa jam senaman selesai dilakukan.

KAEDAH

HIIT boleh dilakukan dengan sendirinya atau diselitkan bersama program senaman yang lain. Sesi dimulakan dengan memanaskan badan diikuti senaman berat dan sederhana secara berulang-ulang serta diakhiri dengan senaman menyejukkan badan.

1 ➡ Senaman berat perlu dilakukan menggunakan sepenuh tenaga, manakala senaman sederhana pula pada 50%.

Tiada senaman khusus untuk senaman berat yang ditetapkan di dalam kaedah HIIT. ⬅ 2

3 ➡ Bergantung kepada tahap perkembangan kardiovaskular seseorang, tahap intensiti senaman sederhana boleh juga perlahan seperti berjalan.

Jumlah ulangan dan tempoh bersenam bergantung kepada jenis senaman. ⬅ 4
Sebagai contoh ia boleh diulangi sekurang-kurangnya tiga kali dengan hanya 20 saat bagi setiap senaman berat.

5 ➡ Lazimnya dilakukan pada nisbah 2:1 bagi tempoh senaman dan pemulihan. Contoh: 30-40 saat senaman berat seperti berlari pecut diikuti 15-20 saat senaman sederhana seperti berjoging atau berjalan kaki.

CONTOH REGIMEN HIIT

Regimen Peter Coe

- Ditemui oleh** Jurulatih olahraga Peter Coe.
- Kaedah** Merangkumi larian pantas 200 meter berulang kali dengan masa pemulihan hanya 30 saat di antara setiap larian pantas.
- Kelebihan** Berintensiti tinggi dengan tempoh pemulihan yang pendek.



Regimen Tabata



- Ditemui oleh** Penyelidik Jepun, Izumi Tabata.
- Kaedah** Merangkumi aktiviti senaman intensiti tinggi selama 20 saat dan rehat 10 saat yang diulangi selama empat minit. Salah satu senaman Tabata paling popular adalah mengayuh basikal dengan kelajuan pantas dan perlahan yang dilakukan secara berulang-ulang selama empat minit.
- Kelebihan** Meningkatkan kekuatan kardiovaskular, stamina, kelajuan dan pembakaran kalori secara lebih berkesan kerana terjadi peningkatan metabolisme yang mendedak. Hanya memerlukan masa yang pendek.

Regimen Gibala

- Ditemui oleh** Profesor Martin Gibala dan rakan sepasukan dari McMaster University di Kanada.
- Kaedah** Memerlukan tiga minit senaman pemanasan badan diikuti senaman intensif selama 60 saat dan rehat 70 saat yang diulang sebanyak 8-12 kali.
- Kelebihan** Kebaikan dari senaman ini yang dilakukan tiga kali seminggu adalah sama dengan mereka yang mengamalkan senaman biasa lima kali seminggu. Senaman yang disyorkan adalah berbasikal.

KAJIAN DAN RUMUSAN DARI TEKNIK HIIT

- ➔ Dapat meningkatkan pembakaran lemak dan menurunkan berat badan lebih berkesan dari senaman biasa.
- ➔ Dapat membakar 10% kalori selama 24 jam selepas bersenam.
- ➔ Dapat mengurangkan enzim penghasilan lemak.
- ➔ Mencegah risiko penyakit jantung yang diakibatkan oleh gaya hidup.

PILIHAN SERVIS ANDA

Simbol



Cawangan Proton Edar;
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

JOHOR - PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - MUAR



PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR



LOT 1462, JALAN BAKRI
BATU 1 1/4
84000 MUAR
TEL: 06-955 5407 / 06-953 1470
FAKS: 06-953 1780

JURUTEKNIK: 4 ORANG
HOIST: 7 UNIT

MELAKA - KUANG AUTO WORKSHOP (TAMPIN) SDN BHD



WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR KUANG AUTO WORKSHOP (TAMPIN) SDN BHD



LOT 71 KAWASAN INDUSTRI
PULAU SEBANG
78000 ALOR GAJAH
TEL: 06-441 6306
FAKS: 06-441 4935

JURUTEKNIK: 7 ORANG
HOIST: 8 UNIT

NEGERI SEMBILAN - PUSAT SERVIS PROTON EDAR - SENAWANG



PUSAT SERVIS PROTON EDAR



LOT PT9671 PUSAT BANDAR
SENAWANG
70450 SEREMBAN
TEL: 06-678 7610 / 06-678 7605
FAKS: 06-678 7763

JURUTEKNIK: 11 ORANG
HOIST: 10 UNIT

*Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

PELANTIKAN BARU - MOTORWISE SDN BHD



WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR MOTORWISE SDN BHD



LEVEL 1-T7
KOMPLEKS PUSAT BANDAR
81700 PASIR GUDANG

TEL: 07-251 1095
FAKS: 07-251 1624

JURUTEKNIK: 6 ORANG
HOIST: 3 UNIT

PERTUKARAN NAMA - SPECTRUM EDGE AUTOMOBILE SDN BHD

WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR SPECTRUM EDGE AUTOMOBILE SDN BHD



NO 70C
JALAN SUNGAI NIBONG KECIL
11900 BAYAN LEPAS
PULAU PINANG

TEL: 04-643 6666
FAKS: 04-643 7777

JURUTEKNIK: 5 ORANG
HOIST: 8 UNIT

NAMA LAMA SYARIKAT:
ROADSTAR AUTOMOBILE ENT.
SDN BHD





Inginkah anda mengingati saat akhir anak anda begini?



**Pimpin Anak-Anak Anda Semasa Melintas.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Anda berada disampingnya, mengisi kehidupannya dengan keceriaan, melihat senyuman pertamanya, membimbing langkah pertamanya. Tetapi kini dia semakin membesar, adakah anda masih disampingnya apabila dia memerlukan anda? Kanak-kanak berumur 10 tahun dan ke bawah mempunyai kemampuan yang terhad, mereka tidak boleh melintas jalan bersendirian. Anda telah menolongnya selama ini.

Mengapa biarkan dia bersendirian sekarang?

Layari www.jkjr.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut.